



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
NEGERI SELANGOR  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
Lot 2, Solok Sultan Hishamuddin 16  
Bandar Sultan Sulaiman  
**42005 PELABUHAN KLANG**  
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-31769100  
Fax : 03-31765100

No. Rujukan : APMM.DM4.100-2/1(1.)  
Bertarikh : 7 April 2021

## SIARAN MEDIA

### \*CUBAAN SELUDUP SATU KILOGRAM SYABU GAGAL\*

**PELABUHAN KLANG, 7 APRIL** - Agensi Penguatankuasaan Maritim Malaysia Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor berjaya menumpaskan cubaan menyeludup dadah disyaki jenis syabu seberat lebih kurang satu kilogram di pesisiran pantai Tongkah awal pagi semalam.

Pengarah Maritim Negeri Selangor Kepten Maritim Mohd Rosli bin Kassim berkata, rampasan dibuat ketika anggota penguat kuasa Maritim Malaysia sedang melaksanakan rondaan Op Ehsan di sepanjang perairan Banting dan telah mengesan sebuah bot fiber yang berada di pesisir pantai Tongkah dalam keadaan yang mencurigakan.

Sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, bot tersebut terus memecut meninggalkan lokasi dan dua lagi suspek yang belum sempat menaiki bot tersebut mencuba meloloskan diri ke kawasan paya bakau, namun seorang daripada suspek berjaya diberkas.

Pemeriksaan ke atas suspek menemukan satu paket bungkusan berwarna hijau yang disyaki dadah jenis syabu seberat lebih kurang satu kilogram dengan anggaran nilai RM40 ribu.

Suspek dan hasil rampasan dibawa ke Jeti Maritim Negeri Selangor untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tindakan lanjut. Kes disiasat di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952 jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup.

Maritim Malaysia memandang serius terhadap operasi penguatankuasaan di laut dan akan mengambil tindakan tegas kepada setiap penjenayah yang melakukan aktiviti jenayah di sepanjang Zon Maritim Malaysia.

Jika terdapat aduan dan maklumat mengenai sebarang kegiatan jenayah maritim serta kecemasan di laut, sila hubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor di talian 03-31760627 yang beroperasi secara 24 jam atau talian kecemasan MERS 999 agar tindakan segera dapat diambil oleh Maritim Malaysia.

- TAMAT-

---

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**LT Dya Maritim Noor Hasni@Idris bin Ismail** : 019 257 5279  
**LK Maritim Muszamzuruddin bin Musa** : 012-824 7658  
**Pegawai Perhubungan Awam Maritim Negeri Selangor**